

aab

Mahathir - Arqam (Bergambar)

ASHAARI TIDAK PERLU JUMPA SAYA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak akan berjumpa dengan pemimpin al-Arqam Ashaari Muhammad untuk menyelesaikan masalah berkaitan kumpulan itu.

Perdana Menteri berkata masalah itu boleh diselesaikan menerusi perbincangan dengan Pusat Islam.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditanya mengenai keengganan Ashaari untuk mengadakan perbincangan dengan Pusat Islam dan sebaliknya mahu menemui beliau.

"Dia menganggap dirinya sebagai setaraf dengan pemimpin dunia. Saya belum sampai ke taraf itu lagi. Saya tak bolehlah berjumpa dengan dia. Saya rasa lebih baiklah bagi dia berjumpa dengan Pusat Islam," katanya selepas merasmikan mesyuarat agung perwakilan tahunan ke-14 Koperasi Usaha Bersatu (KUB di sini).

Dr Mahathir berkata, pendirian kerajaan mengenai kegiatan Arqam jelas iaitu ia menyeleweng daripada ajaran Islam dan dengan itu pemerintah bertanggungjawab menghalang perkembangan ajaran seumpama itu. -- Lagi.

▼16/07/13-48MST

CNS4825

R GB 16-07 00150 BA312

aab

Mahathir - Arqam 2 Kuala Lumpur

Katanya keadaan sekarang sudah sampai ke tahap yang boleh membahayakan keselamatan dan keamanan negara akibat perpecahan yang mungkin berlaku di kalangan umat Islam.

Apabila ditanya sama ada kegiatan pertubuhan itu akan diharamkan terus di seluruh negara, Dr Mahathir berkata "hanya ajaran mereka yang akan diharamkan" kerana didapati semakin menyeleweng.

"Pada mulanya kita tak ambil peduli. Kita tak peduli tentang pakaian mereka. Kalau mereka nak tutup muka, nak tutup mata semasa hendak berjalan, itu hal mereka," katanya.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan terpaksa bertindak sekarang kerana anggota pertubuhan itu kini sudah menganggap pemimpin mereka sebagai seorang yang boleh dikatakan Nabi.

Beliau kesal kerana ramai daripada anggota pertubuhan itu yang bukan sahaja tidak memahami ajaran Islam sebenarnya tetapi juga tidak tahu ke arah mana mereka akan dibawa oleh Arqam sehingga boleh menyesatkan mereka. -- Lagi.

▼16/07/13-52MST

CNS4826

U GB 16-07 00141 BA313

aab

Mahathir - Arqam 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Apabila ditanya mengenai laporan dari Sydney yang disiarkan hari ini, yang menyebut bahawa pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) sedang mengkaji untuk menjadikan pertubuhan itu sebagai sebuah blok perdagangan, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak bersetuju dengan langkah itu.

"Kita tidak bersetuju dengan blok perdagangan oleh mana-mana pihak. Kita percaya bahawa blok perdagangan yang patut diwujudkan ialah blok perdagangan dunia."

Ditanya seterusnya sama ada beliau akan membangkitkan perkara itu pada persidangan kemuncak di Indonesia hujung tahun ini, Perdana Menteri berkata beliau akan melihat keadaan sama ada ia dijadikan isu atau tidak.

"Sekiranya ia dijadikan isu, pendirian kita sudah jelas. Kita tidak bersetuju dengan blok perdagangan oleh mana-mana pihak, sama ada Amerika, Eropah ataupun negara-negara timur," kata beliau. -- Bernama